



**KENANGAN:** Barisan pensyarah dan mahasiswa yang menghadiri seminar.

## 800 mahasiswa UMS hadiri 'Seminar Humasah Bahasa Arab'

UB 30-11-2019 2

**KOTA KINABALU:** Inisiatif Kelab Bahasa Arab, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) anjur Seminar Humasah Bahasa Arab bertemakan 'Pembudayaan Bahasa Arab Pemangkin Kemenjadian Islam' adalah pendedahan umum bagi menarik minat mahasiswa dan mempertingkatkan kemahiran komunikasi berkesan dalam Bahasa Arab.

Bertempat di Dewan Kuliah Pusat 1 UMS baru-baru ini, seminar dihadiri 800 mahasiswa yang mengambil kursus elektif bahasa Arab tahap satu dan tiga di universiti.

Seminar ini terbahagi kepada dua slot utama iaitu sesi perkongsian tips mengenai

ilmu bahasa Arab dan sesi selingan permainan.

Beberapa panel yang terlibat dalam kalangan pensyarah bahasa Arab termasuk Nor Ain Manap, Mohd Taqwuddin Mohd Yazid, Mohammad Ali Abdullah, Mohd Shahrizal Sabal dan Asiah Abas.

Antara pengisian seminar termasuk 'Strategi Mudah Belajar Dua Bahasa Sehingga Mampu Berkomunikasi Dengan Fasih (Bahasa Arab dan Inggeris) dan 'Bahasa Arab Adalah Bahasa Ilmu Dalam Pelbagai Bidang Di Seluruh Dunia Serta Pengalaman Belajar Di Negara Arab'.

Sesi perkongsian khas dari panel jemputan, Prof Madya Dr Saini Ag Damit selaku Pensyarah Pendarasan Islam

UMS beri tips menguasai tata-bahasa Arab dan bagaimana mengaplikasikannya serta kepentingan bahasa kepada masyarakat.

Beberapa sesi perkongsian dari kalangan mahasiswa mempelajari bahasa ini.

Seminar juga merupakan gagasan untuk membina keyakinan diri dan menonjolkan potensi mahasiswa yang mengambil bahasa Arab dalam usaha mempamerkan kredibiliti dan kompetensi dalam penguasaan bahasa asing khususnya.

Di samping itu, memberi banyak pengalaman dalam memupuk semangat, kekuatan, ketabahan dan sikap tidak berputus asa sejajar dengan matlamat UMS untuk

melahirkan mahasiswa yang cemerlang dalam bidang Kurikulum dan Kokurikulum.

"Secara keseluruhan, inisiatif program anjuran Kelab Bahasa Arab di bawah gubahan bahasa asing ini mampu mempertingkatkan motivasi potensi dalam menguasai kemahiran berkomunikasi.

Berebakkan tips permudah cara mempelajari bahasa Arab, impak positif yang diperolehi mahasiswa mampu menyuntik semangat mahasiswa untuk meningkatkan minat mempelajari bahasa lain kelak," kata Prof Madya Dr Saidatul Nornis Hj Mahali selaku Timbalan Dekan Akademik PPIB UMS yang merasmikan seminar.